

08/03/2001

Tindakan pertahan SJKC Damansara angkuh

PETALING JAYA, Rabu - Tindakan Jawatankuasa Mempertahankan Sekolah Asal Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara di sini, yang masih berdegil dengan menyediakan lima kontena untuk tempat belajar di sebuah tokong berhampiran, disifatkan tidak demokratik.

Seramai 74 murid tahun satu hingga enam menduduki kontena itu yang lengkap seperti sebuah bilik darjah dan diajar 14 individu yang dilantik jawatankuasa berkenaan.

Mereka adalah baki murid SJKC Damansara yang sebelum ini diarah tutup dan berpindah ke SRJK Puay Chai Dua di Bandar Utama, dua bulan lalu.

Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia (PPM), Tan Sri Dr Awang Had Salleh, berkata tindakan jawatankuasa itu menunjukkan sifat keangkuhan mereka terhadap arahan pihak berkuasa.

"Apa yang mereka lakukan itu menunjukkan tindakan keangkuhan mereka. Ini adalah suatu perkara yang mana pihak minoriti disogokkan dengan sesuatu untuk menentang pihak yang lebih besar. Saya tidak faham kenapa mereka tidak mahu sekolah yang lebih selesa," katanya.

Dr Awang berkata, kualiti pembelajaran murid itu tidak terjamin kerana tidak diajar guru yang disahkan dalam perkhidmatan, serta persekitaran yang dipengaruhi keegoan penjaga mereka.

Tinjauan Berita Harian di tokong itu hari ini mendapati lima kontena berhawa dingin itu digunakan untuk tujuan pembelajaran serta sebuah kantin yang beroperasi di situ.

Penasihat Jawatankuasa, Ronnie Liu ketika ditemui berkata, semua kontena itu disewa kira-kira RM400 sebulan.

Ditanya mengenai sama ada tindakan mereka itu menyalahi perundangan, Liu berkata, pihaknya tidak bersalah kerana mereka bukan membentuk sekolah yang baru sebaliknya meneruskan sekolah sedia ada kerana enggan berpindah.

"Kami bukan membuka sekolah baru dengan sukatan pelajaran baru, sebaliknya kami meneruskan pembelajaran sedia ada. Bezanya kami mahu sekolah lama dibuka dan enggan ke SRJKC Puay Chai Dua di Bandar Utama," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), N Siva Subramaniam meminta isu itu mendapat campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana masalah itu sudah berlarutan selama dua bulan.

Katanya, tindakan `keras kepala' jawatankuasa itu tidak akan menguntungkan mana-mana pihak sebaliknya merugikan murid berkenaan kerana tidak mendapat pengajaran daripada guru yang dilantik kementerian.

"Perkara ini suatu yang serius kerana ia sudah berlarutan selama dua bulan. Walaupun penjaga merasakan suasana pembelajaran di situ selesa tetapi ia tidak sesuai dengan perkembangan mental murid. Saya berharap isu ini ditangani segera sebelum terjadi perkara lain yang lebih buruk," katanya.

(END)